PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KEDUABELAS 2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI RABU: 28 OKTOBER 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 7 HINGGA 41)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 7

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN : Puan Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

a) bilakah Zon Industri Akuakultur (ZIA) akan dimulakan sedangkan tanah bagi tujuan tersebut telah pun sekian lama dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Sarawak; dan

b) berapakan peruntukan bagi ZIA di negeri Sarawak

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pembangunan Zon Industri Akuakultur di Negeri Sarawak dikendalikan oleh Jabatan Perikanan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA), Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MoMA). Pada masa ini, DOA telah melantik sebuah syarikat untuk menjalankan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar, Pelan Pembangunan Kawasan serta Kajian Topografi dan Ukur Sempadan yang akan dilaksanakan secara berfasa

iaitu melibatkan kawasan Tanjung Manis dan Rambungan di bawah Fasa I dan kawasan lain iaitu Selalang A, Selalang B (Mesidap), Sungai Buko, Loba Pulau, Batang Ai dan Sundar/ Awat-Awat di bawah Fasa II. Laporan awal bagi Fasa I telah disiapkan pada bulan Julai 2009 untuk urusan penyediaan dokumen tender untuk pembangunan kawasan berkenaan oleh DOA. Pembangunan kawasan dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2010.

Sebanyak RM13.75 juta diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk pembangunan Zon Industri Akuakultur di Sarawak. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM3 juta telah diagihkan kepada DOA pada tahun 2008 dan RM2.6 juta pada tahun 2009.

SOALAN NO : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**
		[TELOK KEMANG]
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
SOALAN	:	

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan selain bahaya merokok terhadap kesihatan dan nyawa telah terbukti secara saintifik tanpa apa-apa keraguan atau sebarang elemen kontroversi lagi di samping kehilangan kira-kira RM1.5 bilion cukai rokok saban tahun kerana dagangan rokok harian, mengapa tidak diharamkan sahaja rokok di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya diakui bahawa hasil tembakau terutamanya rokok terbukti membawa pelbagai kemudaratan dan kerugian dari segi kesihatan dan ekonomi sesebuah masyarakat dan Negara. Asap rokok mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina, karbon monoksida dan bahan kimia karsinogenik (penyebab kanser)

yang dikaitkan dengan lebih dari 30 jenis penyakit serius, termasuk penyakit yang boleh membawa maut.

Hasil daripada satu kajian tempatan pada tahun 2006 mendapati bahawa kos rawatan penjagaan bagi hanya 3 jenis penyakit akibat rokok, iaitu serangan sakit jantung, kanser paru-paru dan penyakit paru-paru kronik memerlukan peruntukkan sebanyak RM 3 bilion setahun.

Setakat ini, Bhutan merupakan satu-satunya negara di dunia yang telah mengharamkan penjualan rokok (iaitu pada Disember 2004), namun sehingga kini kejayaannya masih diragukan. Pada hakikatnya, tindakan pengharaman rokok akan berjaya hanya apabila prevalen merokok dalam masyarakat telah mencapai tahap yang mampu dikawal. Penyelidikan di peringkat global telah mendapati bahawa merokok merupakan satu penyakit ketagihan yang lebih hebat kesannya berbanding najis dadah heroin atau morfin. Menurut tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan yang ketiga pada 2006, terdapat lebih kurang 3 juta perokok di Malaysia yang dijangka akan berusaha untuk terus mendapatkan rokok demi memenuhi rasa gian masing-masing. Sekiranya tembakau dan hasilnya (iaitu rokok) diharamkan sekarang, golongan ini, khususnya perokok tegar tetap akan terus mendapatkan bekalan mereka secara haram. Dengan demikian kegiatan penyeludupan dan perdagangan hasil tembakau tidak sah *(illicit tobacco trade)* dijangka menjadi beban yang sukar dibendung.

Selain menyumbang kepada ekonomi Negara melalui pencukaian, dan peluang pekerjaan, industri tembakau yang sah juga membolehkan Kerajaan melaksanakan usaha kawalan tembakau secara perundangan dan pentadbiran. Seandainya keseluruhan industri tembakau diharamkan sekarang, Kerajaan akan berhadapan dengan beban perdagangan hasil tembakau tidak sah yang sangat meluas dengan sumber kewangan yang kurang bagi peruntukkan kawalan dan penguatkuasaan. Jumlah kewangan Negara yang mengecil kerana tiada lagi kutipan hasil dari pihak industri tembakau akan turut menyulitkan Kerajaan untuk menampung kos rawatan dan menjaga pesakit akibat penyakit berkaitan tembakau yang bakal berterusan beberapa dekad selepas wabak tembakau mula menurun.

Langkah terbaik untuk menangani masalah tembakau pada ketika ini adalah melalui kawalan tembakau berpandukan perjanjian antarabangsa *World Health Organization Framework Convention On Tobacco Control (WHO FCTC)*. Untuk makluman, sehingga kini sebanyak 166 buah negara di dunia telah menjadi parti kepada WHO FCTC, termasuklah negara kita yang telah mengesahkan undang-undang global ini pada tahun 2005.

Antara lain, pendekatan berkesan bagi kawalan tembakau yang dijalankan oleh Kerajaan adalah mewajibkan pencetakan amaran kesihatan bergambar pada kotak rokok, mengharamkan penjualan dan penggunaan rokok kepada mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun, melindungi orang ramai daripada bahaya asap rokok melalui pewartaan kawasan-kawasan larangan merokok,

menyekat dan mengharamkan pengiklanan dan promosi rokok, mengurangkan permintaan ke atas rokok melalui kenaikan cukai rokok, meningkatkan penguatkuasaan terhadap rokok tidak sah, menjalankan kempen cara hidup sihat tanpa merokok dan penawaran perkhidmatan berhenti merokok di klinik dan hospital kerajaan.

Akhir kata, Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan kesedaran rakyat tentang bahaya merokok, menegah golongan bawah umur daripada memulakan tabiat merokok dan menggalakkan perokok untuk berhenti merokok.

SOALAN NO: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
RUJUKAN	:	**2074**

SOALAN:

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah Ops Sikap Ke-20 masih gagal mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di musim perayaan dan apakah sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Ops Sikap ke-20 telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 13 hingga 27 September 2009 sempena cuti perayaan Aidilfitri yang lalu. Tiga tujuan utama Ops Sikap adalah bagi memastikan kelancaran aliran trafik; mengurangkan kadar kemalangan maut ke tahap yang minima pada musim perayaan; dan penguatkuasaan undang-undang jalanraya secara terancang.

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang Ops Sikap ke-20 dijalankan, sebanyak17,335 kes kemalangan telah direkodkan berbanding 15,996 kes kemalangan pada Ops Sikap Ke-17. Perbandingan ini dibuat berdasarkan kepada pergerakan kenderaan pada sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2008 dan 2009. Manakala jumlah kemalangan maut yang dilaporkan ialah sebanyak 241 kes dengan 265 kematian direkodkan. Jumlah korban nahas jalan raya kali ini didapati meningkat sebanyak 27%

(iaitu pertambahan 57 kes kematian), iaitu lebih tinggi jika dibandingkan dengan jumlah kemalangan pada Ops Sikap ke-17 iaitu sebanyak 208 kematian. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan sebanyak 143 kes, iaitu kira-kira 59.3% kemalangan maut berlaku di luar kawasan Ops Sikap sementara baki 40.7% atau 98 kes lagi berlaku dalam kawasan Ops Sikap.

Tuan yang Dipertua,

Untuk makluman ahli yang berhormat, banyak usaha seperti kempen dan penguatkuasaan telah dijalankan oleh PDRM semasa Ops Sikap, seperti:

1. Khidmat advocacy (nasihat);
2. Nasihat waktu perjalanan pergi dan pulang dari destinasi;
3. Kehadiran secara fizikal Polis-polis trafik; dan
4. Kawalan lalulintas semasa kesesakan.

Walaupun segala usaha seperti yang dinyatakan telah dibuat, sikap pengguna jalan raya masih tidak berubah di mana kadar pelanggaran undang-undang lalulintas didapati masih berlaku secara meluas. Memandu laju, sikap tidak berhemah dan kecuaian pemandu didapati telah menyumbang kepada 71% punca kematian dalam kemalangan jalan raya.

SOALAN NO. 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] SOALAN N0.10

TARIKH : 28 OKTOBER 2009

SOALAN NO. 10

Y. B. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan Kerajaan pernah menyuarakan cadangan untuk mengkaji pengambilan balik lebuh raya-lebuh raya di negara ini apakah perkembangan dan keputusan dengan cadangan tersebut.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang dalam peringkat kedua kajian isu-isu perlaksanaan lebuhraya bertol yang merangkumi analisa model kewangan lebuhraya berkenaan, penyata untung dan rugi serta prestasi syarikat konsesi, unjuran trafik lebuhraya serta impak pembinaan lebuhraya bertol ke atas pembangunan sepanjang koridor dan juga kesan gandaan kepada ekonomi Negara.

Kajian juga terus diperhalusi bagi memastikan langkah-langkah yang diputuskan oleh Kerajaan kelak boleh dilaksanakan dengan implikasi kewangan yang minimum serta tidak mengganggu sentimen pasaran dan pelaburan jangka panjang serta keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa.

Kajian yang menyeluruh dan mendalam ini adalah penting ke arah mencapai penyelesaian jangka panjang yang terbaik bagi kesemua pihak. Pada masa yang sama, Kerajaan telah memperkenalkan dua penyelesaian jangka pendek iaitu dengan tidak menaikkan kadar tol bagi lebuhraya tertentu serta memperkenalkan rebat 20% kepada pengguna Touch & Go yang kerap.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [BATU SAPI]
TARIKH	:	28 OKTOBER 2009 (RABU)
SOALAN	:	

Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [BATU SAPI] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan berikutan tindakan Pengarah JKR Sabah yang membangkitkan mengenai beberapa projek sekolah di Sabah yang telah ditamatkan dan tender dipanggil semula bagi memulihkan projek tersebut. Apakah projek yang telah ditamatkan, siapakah kontraktor yang dilantik dan penalti yang dikenakan kepada kontraktor berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 projek sekolah yang telah ditamatkan kontrak dan telah di panggil tender semula bagi memulihkan dan menyiapkan projek tersebut. Senarai 4 buah sekolah dan kontraktor tersebut adalah:

Bil.	Projek Sekolah	Kontraktor
i.	Membina Bangunan Sekolah Menengah St. Patrick Membakut, Beaufort;	Perniagaan Delima
ii.	Membina dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di SMK Bahang, Penampang, Sabah;	Actaland Sdn. Bhd.
iii.	Membina dan Menyiapkan Bangunan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Di SMK Abaka, Tawau, Sabah;	Pemborong Jakiyah Bersaudara
iv.	Membina Dan Menyiapkan Bangunan Bilik Darjah Tambahan (12BD) di SK Luagan, Keningau, Sabah.	CF Dynamic Builder Sdn. Bhd.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua kontraktor bagi projek terlibat telah dikenakan tindakan bayaran denda bagi sebarang perbezaan kos antara tender asal dengan tender semula serta disyorkan untuk disenarai hitam oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

KK/BP (1.10)294/6-73 SJB/ (18)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

NO: 12

DARIPADA : **TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **28.10.2009** SOALAN NO: 12

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah defisit Bajet yang telah ditanggung oleh Kerajaan setiap tahun dari tahun 1998 hingga 2009 dan bagaimana Kerajaan menanggung defisit tersebut dan sejauh manakah defisit berpanjangan tersebut memberi kesan negatif terhadap kedudukan kewangan negara.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum berlakunya krisis kewangan Asia 1997/1998, ekonomi negara berkembang pesat dengan diterajui oleh sektor swasta. Kerajaan memainkan peranan penting dalam membantu merancakkan aktiviti sektor swasta, terutamanya menyediakan persekitaran yang kondusif bagi kegiatan pelaburan di samping terus melaksanakan projek pembangunan ekonomi sosial. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan telah berjaya mencatatkan lebihan fiskal pada tahun 1993 hingga 1997.

Berikutan krisis kewangan Asia 1997/1998 dan ketidaktentuan sektor luaran ekoran daripada pelbagai peristiwa dan bencana seperti *dotcom bubble* (2000), serangan 11 September (2001), peperangan di Iraq (2003) dan wabak SARs (2003), pelaburan swasta telah mula menurun. Kerajaan terpaksa melaksanakan dasar fiskal mengembang untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik. Oleh itu, defisit fiskal meningkat kepada 5.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, defisit fiskal telah dapat dikurangkan secara beransur-ansur daripada 5.3% pada tahun 2002 kepada 3.2% pada tahun 2007 berikutan dengan peningkatan perbelanjaan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2008, defisit fiskal diunjurkan 3.1% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara perbelanjaan subsidi minyak mentah berikutan kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia, defisit sebenar pada tahun itu telah meningkat kepada 4.8% daripada KDNK. Krisis kewangan global yang dialami semenjak separuh kedua tahun 2008 telah membawa kepada kejatuhan eksport dan pelaburan swasta pada tahun 2009. Dengan pertumbuhan hasil yang perlahan dan pelaksanaan pakej rancangan ekonomi kedua berjumlah RM60 juta, defisit fiskal dijangka meningkat kepada 7.4% daripada KDNK pada tahun 2009. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan negara lain juga telah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi untuk merangsang kegiatan ekonomi domestik mereka dan langkah ini juga telah mengakibatkan peningkatan defisit fiskal bagi negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus mengekalkan lebihan dalam akaun semasa fiskal *(operating surplus)*. Namun, defisit keseluruhan yang diunjurkan adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan akan dibiayai melalui pinjaman domestik. Ini adalah berikutan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan dan langkah ini tidak akan menjejaskan peluang pembiayaan sektor swasta. Kerajaan sedar bahawa defisit fiskal yang berterusan dan peningkatan dalam jumlah hutang akan memberi kesan kepada usaha memulih ekonomi negara.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan defisit fiskal yang mapan dan paras hutang yang terurus. Paras hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada 52.4% KDNK pada akhir tahun 2009. Di samping itu, bayaran khidmat hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus pada 8.4% daripada perbelanjaan mengurus dan 8.3% daripada hasil. Pada tahun 2010, berikutan dengan langkah untuk berbelanja secara berhemat termasuk mengurangkan perbelanjaan tidak kritikal, perbelanjaan mengurus diunjurkan menurun sebanyak 13.7%. Defisit fiskal juga diunjurkan untuk mencatatkan pengurangan iaitu kepada 5.6% KDNK pada tahun hadapan. Walaupun perbelanjaan dikurangkan, tahap penyampaian perkhidmatan sektor awam tidak akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan itu, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan komited terhadap kemapanan dan tanggungjawab fiskal melalui pengurusan kewangan berhemat dan pelaksanaan dasar yang pragmatik.

Langkah-langkah akan terus dilaksanakan bagi mempelbagaikan sumber pertumbuhan, meluaskan asas hasil serta meningkatkan kualiti dan kecekapan dalam perbelanjaan. Langkah konsolidasi fiskal akan terus dilaksanakan dengan pemulihan kedudukan ekonomi global.

NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN : 13

Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

(a) Siapakah yang mengeluarkan lesen kenderaan 'Tow Truck' (Trak Penunda); dan

(b) Jabatan manakah pula yang mengeluarkan lesen operasi bagi 'Tow Truck' ini.

Tuan Yang Dipertua,

(a) Seksyen 15, Akta Pengangkutan Jalan 1987 memberi kuasa kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk melesenkan kenderaan motor trak tunda atau tow truck.

Tuan Yang Dipertua,

(b) Bagi pertanyaan (b), adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini, lesen tidak diperlukan untuk menjalankan perkhidmatan trak tunda.

SOALAN NO:14

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN : Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah sebarang kajian telah dibuat untuk memantau Program Bumi Hijau:-

a) apakah isi kandungannya dan berapakah pula kos setiap pakej; dan

b) berapa bilangan peserta yang mengambil bahagian sejak ia dilancarkan hingga masa kini.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Program Bumi Hijau di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan telah dilancarkan pada 29 Jun 2008 di Presint 9, Putrajaya oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima.

Program Bumi Hijau diwujudkan bertujuan menggalakkan penduduk bandar dan desa menghasilkan

sendiri bahan makanan segar yang berkhasiat, selamat dimakan dan meringankan beban kewangan penduduk akibat kesan kenaikan harga barangan makanan.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program ini, Jabatan-jabatan yang terlibat sentiasa menjalankan pemantauan terhadap peserta program.

Bagi sektor tanaman, Jabatan Pertanian menjalankan pemantauan kewangan dan fizikal secara mingguan. Di samping itu, Jabatan juga menjalankan satu *Rapid Appraisal* Impak Awal Program Bumi Hijau untuk tahun 2008. Penilaian ini telah dilaksanakan pada 16 hingga 23 April 2009 dengan melibatkan responden seramai 1,091 orang (1% daripada jumlah peserta Program Bumi Hijau).

Bagi sektor ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan pemantauan berdasarkan format standard di dalam borang pemantauan di setiap Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri. Hasil pemantauan daripada beberapa negeri menunjukkan stok ternakan yang tinggal adalah 42% dengan kematian sebanyak 10%, ternakan disembelih atau dijual 27%, telur yang dimakan atau dijual adalah sebanyak 8% daripada ternakan yang bertelur. Hasil pemantauan mendapati setiap peserta mendapat sumbangan protein sebanyak 72kg dengan nilai RM506.05 setahun.

Jabatan Perikanan sedang merangka satu kajian untuk mendapatkan maklumat impak sebenar program Bumi Hijau bagi sektor perikanan. Kajian ini dijangka dapat diadakan pada hujung tahun ini atau pada awal tahun 2010.

Di bawah program ini, Kerajaan menyediakan bantuan peralatan, benih, baja dan makanan ternakan secara *one-off*. Selepas itu peserta sendiri bertanggungjawab mendapatkan input yang diperlukan untuk meneruskan projek.

Bagi komponen tanaman, peserta menerima Kit Bumi Hijau bernilai RM32.00 yang mengandungi 4 jenis biji benih sayuran terpilih, baja, *biopesticide*, peralatan kecil pertanian serta risalah yang mengandungi maklumat cara penanaman dan penjagaan tanaman sayur-sayuran. Kit ini disampaikan terus kepada penduduk tempatan melalui JKKK, perjumpaan di balai raya, masjid, pejabat kerajaan serta tempat-tempat yang bersesuaian dan institusi-institusi yang dikenalpasti. Program ini dilaksanakan melalui kaedah berikut :-

i) Secara individu yang melibatkan peserta menanam di halaman rumah.
ii) Secara berkumpulan / komuniti di kawasan tanah lapang di kampung / taman perumahan.

Bagi komponen ternakan, setiap peserta diberi satu pakej yang terdiri daripada 25 ekor anak ayam kampung/itik pedaging/itik penelur, 50 kilogram makanan, ubatan dan EM (*effective microrganism*) serta serkop/peralatan unggas. Kos pakej adalah RM400.00.

Bagi komponen akuakultur, setiap peserta diberi satu pakej yang terdiri daripada satu unit tangki kanvas, 200 ekor anak keli, 40 kilogram makanan dan EM atau 2 unit tangki *polyethylene*, 400 ekor anak keli, 80 kilogram makanan dan EM.

Purata kos pakej adalah RM1,700.00 (kos adalah berbeza mengikut negeri)

Sejak Program Bumi Hijau dilancarkan, seramai 269,978 peserta telah mengikuti program tanaman di mana 173,224 adalah peserta individu dan 96,754 peserta komuniti yang melibatkan 3,839 komuniti. Jumlah hasil pengeluaran adalah sebanyak 14.9 ribu metrik tan dengan nilai pengeluaran RM26.8 juta.

Komuniti terlibat termasuklah projek dengan sekolah-sekolah, PLKN (Pusat Latihan Khidmat Negara) dan PDK (Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Manakala bagi komponen ternakan, seramai 20,098 orang telah menyertai program ini berbanding dengan sasaran sebanyak 12,040.

Bagi komponen akuakultur pula, sebanyak 5,874 peserta telah menyertai program ini sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008.

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	**DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)**
TARIKH	:	27 OKTOBER 2009 (SELASA)
SOALAN	:	**DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan: RANCANGAN KEMENTERIAN UNTUK MENJADIKAN NEGERI SARAWAK SEBAGAI JELAPANG PADI KEDUA NEGARA

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah Pelan Peningkatan Pengeluaran Beras, Negeri Sarawak telah dikenal pasti sebagai kawasan baru tanaman padi. Bagi menjadikan Sarawak sebagai kawasan jelapang padi, Kerajaan negeri Sarawak melalui Jabatan Pertanian negeri telah mengemukakan lapan (8) kawasan dicadangkan sebagai kawasan tanaman padi iaitu Limbang Valley, Paloh, Sungai Seblak, Daro, Stumbin/ Bijat, Pulau Bruit, Lingga/ Banting dan Nanga Merit.

Kementerian melalui focus padi group yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pertanian telah mencadangkan kawasan Batang Lupar sebagai kawasan yang akan dibangunkan dahulu sebagai kawasan tanaman padi. Luas kawasan ini

ialah dianggarkan sebanyak 63,000 hektar. Tiga komponen utama yang diberi penekanan dalam pembangunan kawasan ini ialah pembinaan loji pengeluaran benih padi sah, infrastruktur pengairan dan saliran dan pembangunan infrastruktur bersepadu. Peruntukan sebanyak RM20 juta telah diluluskan manakala bagi aktiviti yang lain Jabatan Pertanian Negeri Sarawak akan mengemukakan permohonan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan, peruntukan padi yang telah diluluskan bagi negeri Sarawak pada tahun 2009 adalah berjumlah RM161 juta melibatkan aktiviti-aktiviti seperti:

Bil	Aktiviti	Peruntukan (RM juta)
1	Penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran	21.10
2	Perataan sawah	5.00
3	Input pertanian - kapur	1.00
4	Input pertanian - racun makhluk perosak	21.49
5	Input pertanian - baja tambahan NPK	44.58
6	Mekanisasi ladang	10.98
7	Pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran	57.00
	Jumlah	161.17

NO. AUM : 32

NO. AUP : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
RUJUKAN	:	**2072**

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) kenapakah Kementerian hanya menapis filem tempatan yang memaparkan aksi kurang sopan sedangkan filem luar negara tidak ditapis sebegitu; dan

(b) adakah kuasa Kementerian hanya boleh menapis filem tempatan sahaja.

JAWAPAN Y.B. MENTERI DALAM NEGERI

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menjawab soalan,

a) Kementerian ini telah dipertanggungjawabkan untuk menapis semua filem yang dikemukakan untuk ditontontapis, sama ada filem tempatan ataupun filem import, mengikut Garis Panduan Penapisan Filem 1993. Berdasarkan Garis panduan tersebut, unsur-unsur dalam filem yang keterlaluan dan tidak menepati aspek sosio budaya masyarakat negara ini akan dipotong. Sekiranya tema dan keseluruhan jalan cerita filem adalah bertentangan dengan Garis Panduan berkenaan, filem tersebut akan tidak diluluskan untuk tayangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

b) Kuasa untuk menapis filem sama ada filem tempatan atau pun filem yang diimport dari luar negara telah pun diberikan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui peruntukan Seksyen 9 Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620).

No : 17

SJ.B/(20)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**28.10.2009** SOALAN NO : 17

Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang dilaksanakan di Terengganu dalam tempoh 6 tahun lalu mengikut pecahan tahun mulai 2004 dan berapakah jumlah wang royalti petroleum yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan pembangunan untuk Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2009 berdasarkan rekod Sistem Pemantauan Projek II adalah sebanyak **RM5.4 bilion**. Pecahan peruntukan pembangunan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2004	118,826,656
2005	184,316,030
2006	817,551,402
2007	1,315,021,881
2008	1,424,438,775
2009	1,539,964,631
Jumlah	5,400,119,375

Manakala jumlah peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam tempoh mulai 2004 hingga Oktober 2009 adalah sebanyak **RM7.6 bilion**. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bayaran (RM)
2004	150,000,000
2005	1,099,000,000
2006	1,996,101,281
2007	1,369,475,800
2008	1,600,000,000
2009	1,394,100,000
Jumlah	7,608,677,081

NO. AUM : 15

NO. AUP : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
RUJUKAN	:	**2069**

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesan terhadap kemasukan pekerja asing setelah cukai levi dinaikkan dan tahap tindakan undang-undang terhadap majikan yang tidak mematuhi cukai levi yang dikenakan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan levi dua kali ganda telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Kerajaan kerana keadaan ekonomi semasa yang tidak mengizinkan. Walaubagaimanapun Kerajaan sedang di dalam proses merangka penstrukturan semula kadar levi tersebut bagi menjadikannya sebagai salah satu mekanisme dalam mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing untuk semua sektor pekerjaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua majikan telah membayar levi sebagaimana yang telah ditetapkan bagi memastikan proses pengambilan pekerja asing mereka dapat berjalan dengan lancar.

NO: 19

SJ.B/(168)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**28.10.2009** SOALAN NO : 19

Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai laporan surat khabar tempatan mengenai penjualan sebanyak 10 peratus saham Sime Darby kepada firma-firma Kerajaan Negara China. Adakah penjualan ini merupakan syarat untuk mendapatkan pinjaman kewangan dari negara itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, laporan media yang menyatakan bahawa pihak Kerajaan bercadang untuk menjual sehingga 10 peratus pegangan ekuiti dalam syarikat Sime Darby Bhd kepada firma-firma berkaitan Kerajaan Negara China bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan kewangan dari negara tersebut hanyalah spekulasi pada masa ini. Perlu dijelaskan bahawa sebarang penerbitan saham yang baru adalah merupakan satu keputusan korporat yang

akan ditentukan oleh pihak Sime Darby Bhd berdasarkan kepada merit kewangan.

Soalan No : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**
TARIKH	:	**28.10.2009**

SOALAN:

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha serta-merta yang diambil untuk memastikan kanak-kanak dari keluarga yang miskin tegar bersekolah berdasarkan pengakuan beliau bahawa lebih 125,000 kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan tercicir daripada alam persekolahan di luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau masalah keciciran di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik 125,000 (4.87%) kanak-kanak yang dinyatakan adalah merupakan kumpulan kanak-kanak yang mencapai umur 6+ hingga 11+ tahun yang tidak menyertai pendidikan berdasarkan kepada data Banci Penduduk tahun 2000.. Namun, jumlah keciciran berdasarkan enrolmen di bawah sistem KPM dan MARA ialah 83,897 (2.67%) pada tahun 2008.

Daripada enrolmen kanak-kanak yang mengikuti sistem persekolahan di bawah sistem persekolahan KPM, MARA, Maktab Tentera di Raja, Sekolah Rendah dan Menengah Swasta, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Antarabangsa, Sekolah Rendah dan Menengah Agama Swasta, serta Sekolah

Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri, pula, pengiraan data keciciran adalah berasaskan kepada *cohort analysis*. Sebagai contoh, bilangan murid Tahun 2 yang cicir pada tahun 2008 adalah merujuk kepada bilangan murid Tahun 1 pada tahun 2007 yang tidak meneruskan persekolahan ke Tahun 2 pada tahun 2008.

Berdasarkan pengiraan data yang dikumpul, didapati bahawa jumlah bilangan murid cicir dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 pada tahun 2008 adalah seramai 31,939 orang. Antara punca keciciran tersebut adalah kerana murid mengikut ibubapa berpindah ke luar negara, mengikuti pendidikan *home schooling*, meninggal dunia, memilih untuk menceburi bidang pekerjaan dan terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Sehubungan itu, KPM mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk mewujud dan memperluas program-program bantuan, menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, dan meningkatkan kesedaran ibu bapa.

Soalan No: 21

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2009
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG
(LABIS)

TARIKH : 28 OKTOBER 2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan:

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Kementerian bagi memastikan pemberian hak milik tanah dan bantuan dapat diberikan kepada penduduk Orang Asli di kawasan Labis juga turut layak menerima pemberian tanah dan bantuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuasa melulus/mengiktiraf mana-mana tanah sebagai Kawasan Orang Asli (KOA) atau Rizab Orang Asli dan Pemberimilikan tanah kepada Orang Asli adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sentiasa berusaha ke arah memastikan status tanah Orang Asli dilindungi selaras dengan Seksyen 7, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Parlimen Labis, terdapat Lima (5) kawasan Orang Asli yang telah digezetkan iaitu ;

(a) Rezab Orang Asli Ulu Juaseh seluas 70.06 hektar;

(b) Rezab Orang Asli Tenang Kampong seluas 36.43 hektar;

(c) Rezab Orang Asli Tuang Kajang seluas 99.55 hektar;

(d) Rezab Orang Asli Sg. Segamat seluas 84.58 hektar dan

(e) Rezab Orang Asli Kudong seluas 921.87 hektar.

Selain itu, terdapat 28.33 hektar kawasan Orang Asli di Segamat Kecil sedang dalam proses pengwartaan oleh Kerajaan Negeri (berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 7 Mac 1991- RM. Bil. 317/91).

Berhubung dengan soal pemberian milik tanah kepada Orang Asli di kawasan Parlimen Labis, Kementerian sedang dalam usaha untuk memberi hak milik kepada tanah-tanah yang telah direzabkan seluas 1212.49 hektar. Sehubungan itu, Pihak Kementerian telah menyediakan satu Kertas Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli yang dicadangkan di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1965 dan dijangka akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara pada penghujung tahun 2009.

Dari segi bantuan-bantuan yang disalurkan kepada masyarakat Orang Asli, Kementerian menerusi JHEOA telah menyediakan bantuan-bantuan asas secara berterusan kepada masyarakat Orang Asli, melalui Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan yang tertumpu kepada bantuan-bantuan berbentuk fizikal dan ekonomi seperti Program Bantuan Rumah (PBR), usahawan, input pertanian, kemudahan pendidikan dan kesihatan termasuk kemudahan prasarana asas.

Sehubungan itu, di antara bantuan-bantuan yang diterima oleh masyarakat Orang Asli di Parlimen Labis bagi tahun 2009 meliputi :

(a) 10 unit rumah PBR di Kg. Segamat Kecil;

(b) bantuan input pertanian (baja dan racun) untuk 20 KIR;

(c) bantuan wang saku (RM2.00/hari) untuk 50 pelajar Sekolah Menengah.

Selain dari itu, 188 peserta di RPS Kudong, telah menikmati bayaran dividen sejumlah RM1,000 yang dibayar setiap 3 bulan dari dari projek pembangunan ladang JHEOA dan RISDA.

SOALAN NO : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KARPAL SINGH**
		[BUKIT GELUGOR]
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
SOALAN	:	

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kematian disebabkan Influenza A (H1N1) yang dicatatkan di Malaysia setakat 30 September 2009. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani penyakit tersebut daripada merebak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen, agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua ahli masyarakat di atas kerjasama, penglibatan serta komitmen yang diberikan dalam menangani dan mengawal penularan pandemik H1N1 2009 di dalam komuniti untuk mengurangkan impak sosioekonomi pandemik H1N1 kepada negara.

Untuk makluman, penularan pandemik H1N1 di peringkat global termasuk Malaysia masih lagi aktif. Pihak *World Health Organization* (WHO) melaporkan bahawa sehingga 4 Oktober 2009, sejumlah 378,223 kes H1N1 yang disahkan melalui ujian makmal dengan 4,525 kematian telah dilaporkan di seluruh dunia yang melibatkan sebanyak 191 negara.

Di Malaysia, sehingga 14 Oktober 2009, sejumlah 11,904 kes yang disahkan melalui ujian makmal dengan 77 kematian telah dilaporkan. Untuk makluman, jumlah ini adalah hanya bagi kes-kes yang berkomplikasi yang dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Seperti yang sedia maklum, majoriti kes pandemik H1N1 2009 hanya mengalami simptom yang ringan tanpa komplikasi dan hanya memerlukan rawatan pesakit luar sahaja. Sebagai strategik rawatan awal dan mengurangkan komplikasi, Kementerian telah mengambil pendekatan rawatan antiviral serta-merta kepada kes-kes tidak berkomplikasi serta kes-kes daripada golongan berisiko tinggi. Mereka ini diberikan rawatan antiviral pesakit luar, tanpa perlu menjalani ujian pengesahan H1N1. Daripada maklumat yang diberikan, jelas bahawa majoriti kes-kes pandemik H1N1 2009 di Malaysia telah dirawat dengan baik dan lebih 99 peratus telah sembuh daripada jangkitan H1N1.

Statistik juga menunjukkan tren penurunan kes-kes pandemik H1N1 2009 sama ada yang datang untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar, dimasukkan ke hospital ataupun yang menerima

rawatan di *Intensive Care Unit* (ICU). Sejak awal bulan September 2009, purata harian kes-kes H1N1 yang dirawat di hospital seluruh negara adalah di antara 30 hingga 40 kes sehari berbanding dengan situasi pandemik pada awal bulan Ogos 2009, di mana kadar kemasukan (*inpatient*) adalah di antara 300 hingga 350 kes sehari. Walaupun bilangan kes-kes yang dirawat di ICU juga menunjukkan tren penurunan, di mana pada masa ini purata 6 hingga 10 kes, tetapi nisbah kemasukan kes masih tidak berubah iaitu 20 hingga 30 peratus daripada kes-kes H1N1 yang dirawat sebagai pesakit luar. Ini adalah kerana komplikasi jangkitan paru-paru yang teruk yang memerlukan rawatan sokongan pernafasan dan tempoh rawatan di ICU juga akan mengambil masa yang panjang iaitu di antara 2 hingga 3 minggu.

Kadar kematian kes-kes pandemik H1N1 2009 di Malaysia adalah juga seperti tren yang kelihatan di peringkat global. Di Malaysia, sejumlah 77 kematian daripada 11,904 kes, kadar kes fataliti *(Case Fatality Rate)* adalah sebanyak 0.65 peratus manakala di peringkat global dengan 378,223 kes dan melibatkan 4,525 kematian, *'Case Fatality Rate' (CFR)* adalah sebanyak 1.2 peratus. Untuk makluman, 85 peratus daripada kes-kes kematian adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai faktor risiko. Majoriti kematian yang berkait dengan jangkitan influenza A(H1N1) di Malaysia meliputi 83 peratus adalah terdiri di kalangan mereka yang berisiko tinggi seperti obes, asthma, mengandung, penyakit kronik dan lemah daya imuniti badan.

Strategi dan aktiviti pencegahan dan kawalan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan semua ahli masyarakat telah berjaya mengawal kejadian Pandemik (H1N1) 2009. Dengan persiapan yang mencukupi sejak tahun 2006 melalui penyediaan pelan strategik "Pelan Kesiapsiagaan Pandemik Influenza Kebangsaan *(National Influenza Pandemic Preparedness Plan – NIPPP*), yang mempunyai 6 aktiviti yang strategik iaitu;

i) Respons Organisasi;
ii) Respons Kesihatan Awam;
iii) Respons Perubatan;
iv) Respons Makmal;
v) Komunikasi Risiko; dan
vi) Respons Sosial.

Pelan strategik ini telah dijalankan mengikut situasi pandemik, iaitu pada awal matlamat utama *Containment* bagi tujuan melewatkan kemasukan wabak ke Malaysia dan kemudian disusuli dengan strategi Mitigasi yang bertujuan memperlahankan penularan wabak dalam komuniti.

Walaupun kejadian pandemik telah menunjukkan penurunan di seluruh dunia, pihak *World Health Organization (WHO)* telah meminta supaya semua negara untuk meneruskan aktiviti survelan bagi memantau kejadian jangkitan. Survelan ini perlu diteruskan

untuk memantau mutasi virus influenza A(H1N1) serta juga kemungkinan berlakunya gelombang kedua Pandemik (H1N1) 2009 dan mengambil langkah proaktif yang responsif serta berkesan.

Seperti yang disarankan oleh WHO, Kementerian Kesihatan akan meneruskan dan memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan Pandemik (H1N1) 2009 seperti berikut :

(i) Rawatan antiviral kes-kes yang disyaki influenza A(H1N1) terutama golongan berisiko tinggi, di semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan termasuk swasta;

(ii) Pemantauan kemasukan kes influenza A(H1N1) ke Unit Rawatan Rapi (ICU), termasuk juga kematian;

(iii) survelan kes *Influenza-like Illness* (ILI) melalui klinik sentinel dan kluster ILI dalam komuniti;

(iv) survelan virus influenza;

(v) Memperkukuhkan program kesedaran influenza A(H1N1) di dalam komuniti;

(vi) Memastikan bekalan *stockpile* antiviral dan PPE sentiasa mencukupi;

(vii) Vaksinasi influenza A(H1N1) untuk barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi;

(viii) Terus memperkemaskan sistem maklumat influenza A (H1N1), termasuk garis panduan dan maklumat awam

melalui perkongsian maklumat dalam negara dan antarabangsa; dan

(ix) Kenyataan akhbar harian berkaitan influenza A (H1N1) dibuat setiap hari oleh Y.B. Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Maklumat ini serta lain-lain maklumat berkaitan influenza A (H1N1) dimuat naik ke laman web, http://h1n1.moh.gov.my untuk pengetahuan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bekalan vaksin influenza A(H1N1) yang berjumlah 400,000 dos yang dipesan oleh Kementerian Kesihatan akan mula sampai pada akhir bulan Oktober 2009, sebanyak 78,000 dos dan baki selebihnya akan dibekalkan sebelum akhir Januari 2010. Pemberian suntikan vaksin H1N1 kepada kakitangan barisan hadapan terutamanya kakitangan perubatan dan kesihatan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan pesakit akan dilaksanakan sebaik sahaja vaksin diterima. Mengikut maklumat WHO, mulai Februari 2010 vaksin *seasonal influenza* akan mengandungi *strain* influenza.

Bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi. Sejak tahun 2006, lebih dari RM 200 juta telah diperuntukkan untuk menangani kejadian pandemik influenza yang digunakan untuk pembelian ubat antiviral, peralatan perlindungan diri, vaksin influenza bermusim,

latihan dan juga pendidikan kesihatan. Pada tahun 2009, sejumlah RM36.5 juta telah dibelanjakan untuk pembelian ubat antiviral sebagai tambahan kepada *stockpile* yang sedia ada. Untuk makluman, bagi tempoh 6 bulan yang lepas sejumlah 533,000 dos yang bernilai RM28.3 juta telah digunakan untuk rawatan kes-kes H1N1 di Malaysia. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah mempunyai sejumlah 1.6 juta dos rawatan antiviral dalam *stockpile*.

Kementerian yakin dengan kerjasama semua pihak, langkah pencegahan dan kawalan pandemik H1N1 2009 di Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti yang kita perhatikan pada masa ini. Kerjasama ini harus diteruskan dan diperkukuhkan lagi bukan sahaja untuk pandemik H1N1 malah untuk lain-lain penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesejahteraan kesihatan orang awam.

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)**

TARIKH : **28.10.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengubah sistem penilaian peperiksaan sekarang supaya tidak terlalu tertumpu kepada peperiksaan akhir tahun UPSR, PMR, SPM, STPM dan STAM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa menyemak dan mengkaji semula sistem pendidikan di negara ini, termasuk sistem peperiksaan. Dalam melaksanakan anjakan ke arah perubahan sistem peperiksaan ini, KPM akan memberi fokus kepada beberapa aspek untuk dikaji dan disemak semula dan seterusnya akan memperinci sistem peperiksaan tersebut sebelum dapat dilaksanakan. KPM sedang ke arah melaksanakan Transformasi Pendidikan (Kurikulum dan Pentaksiran) bertujuan untuk mengurangkan orientasi peperiksaan dalam sistem pendidikan. Penumpuan berlebihan terhadap peperiksaan berpusat juga dikatakan menyebabkan aspek pembinaan jati diri, jasmani, sahsiah, budi pekerti dan nilai-nilai murni dalam pendidikan diabaikan. Tumpuan terhadap peperiksaan pusat juga dilihat menyebabkan pentaksiran berasaskan sekolah tidak diberi penekanan yang sewajarnya sedangkan banyak kebaikan dilihat pada pentaksiran berasaskan sekolah.

Di peringkat pendidikan Tingkatan Enam, sistem peperiksaan STPM akan dirombak daripada sistem terminal kepada sistem modular untuk memenuhi ekspertasi pengguna sesuai dengan keperluan pendidikan semasa dan masa depan. Sejajar dengan hala tuju ini, sukatan pelajaran bagi semua mata pelajaran sedang digubal semula untuk disesuaikan dengan sistem modular.

Rjm 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2009

SOALAN NO. 24

Y. B. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status cadangan-cadangan EPU yang bermanfaat kepada rakyat berkaitan isu lebuh raya bertol yang sepatutnya diberi pada bulan Julai tahun ini.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang dalam peringkat kedua kajian isu-isu perlaksanaan lebuhraya bertol yang merangkumi analisa model kewangan lebuhraya berkenaan, penyata untung dan rugi serta prestasi syarikat konsesi, unjuran trafik lebuhraya serta impak pembinaan lebuhraya bertol ke atas pembangunan sepanjang koridor dan juga kesan gandaan kepada ekonomi Negara.

Kajian juga terus diperhalusi bagi memastikan langkah-langkah yang diputuskan oleh Kerajaan kelak boleh dilaksanakan dengan implikasi kewangan yang minimum serta tidak mengganggu sentimen pasaran dan pelaburan jangka panjang serta keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa.

Kajian yang menyeluruh dan mendalam ini adalah penting ke arah mencapai penyelesaian jangka panjang yang terbaik bagi kesemua pihak. Pada masa yang sama,

Kerajaan telah memperkenalkan dua penyelesaian jangka pendek iaitu dengan tidak menaikkan kadar tol bagi lebuhraya tertentu serta memperkenalkan rebat 20% kepada pengguna Touch & Go yang kerap.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GWO BURNE LOH
(KELANA JAYA)

TARIKH : 28 OKTOBER 2009

SOALAN

YB TUAN GWO BURNE LOH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keseluruhan nama, umur dan jumlah pampasan yang diterima akibat daripada peristiwa berdarah Kg Medan pada tahun 2001 seperti yang dijanjikan.

JAWAPAN: (Y. B. TAN SRI DR. KOH TSU KOON)

Tuan Yang Di Pertua:

Dalam kejadian pergaduhan kaum di Kampong Medan pada 8 Mac 2001, seramai 6 orang telah terbunuh, 3 di antaranya warganegara Malaysia (keturunan India) dan 3 lagi warganegara asing (2 dari negara India dan 1 dari Indonesia).

Mengikut laporan yang diterima oleh polis dab Yayasan Strategi Sosial (YSS), seramai 74 orang tempatan cedera (tidak termasuk beberapa orang asing yang dikatakan cedera tetapi tidak dapat dihubungi selepas itu), di antaranya 58 orang adalah keturunan India, 15 Melayu dan 1 Cina.

Kerajaan Persekutuan pada waktu itu telah meluluskan RM 260,000.00 untuk mangsa-mangsa yang terlibat, atas kadar RM 10,000.00 sekaligus kepada keluarga atau waris mereka yang terkorban dan RM 2,000.00 hingga RM 3,000.00 sekaligus kepada mangsa yang tercedera. Di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyalurkan RM 163,000.00 untuk membantu mangsa-mangsa yang memerlukannya. Di

samping itu, Kerajaan difahamkan beberapa pertubuhan bukan Kerajaan dan parti politik telah juga tampil ke hadapan untuk memberi bantuan kewangan dan bantuan lain kepada mangsa-mangsa.

Oleh kerana keadaan pada waktu itu agak tegang dan cemas, catatan nama-nama mangsa tertentu adalah kurang lengkap dan terdapat yang tidak mengandungi maklumat mengenai umur dan nombor kad pengenalan, khasnya bagi yang cedera ringan dan tidak memerlukan rawatan sebagai pesakit dalam (*inpatients*) dalam hospital kerajaan. Oleh itu, senarai lengkap tidak dapat dibekalkan.

NO: 26

SJ.B/(21)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**28.10.2009**

SOALAN NO: 26

Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail (Machang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendekatan dan strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan Negara memandangkan kebergantungan yang tinggi terhadap hasil petroleum pada masa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar hasil Negara banyak bergantung kepada hasil petroleum iaitu sebanyak 40% bagi tahun 2008. Antara pendekatan dan strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan Negara adalah dengan memperkemaskan pentadbiran cukai dan memperluaskan asas-asas percukaian terutama cukai perkhidmatan dan cukai jualan.

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE**
KAWASAN	:	**TENGGARA**
TARIKH	:	**28.10.2009 (RABU)**

Y.B DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menguasai pegangan syarikat empat pengilang utama gula atau menubuhkan syarikat pengeluaran gula sendiri bagi mengatasi masalah kekurangan gula dan menstabilkan harga gula dari segi jangka panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini hanya empat syarikat yang diberi lesen pengilang untuk menjalankan aktiviti menapis gula mentah dan dipertimbangkan kelulusan permit import (AP) bagi mengimport

gula mentah. Bagi memastikan bekalan gula mentah dapat diperolehi dengan harga yang munasabah, syarikat-syarikat ini telah menandatangani Kontrak Jangka Panjang (LTC) dengan pembekal-pembekal gula mentah luar negara.

Pada masa ini, penggunaan kapasiti bagi syarikat-syarikat ini adalah sekitar 60-65 peratus setahun daripada keupayaan pengeluaran sebenar. Keupayaan terpasang bagi syarikat-syarikat ini adalah sebanyak 1.9 juta tan metrik setahun, manakala permintaan domestik bagi gula bertapis pada masa ini adalah lebih kurang 1.3 juta tan metrik setahun.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan situasi semasa, Kerajaan tidak berhasrat untuk menguasai pegangan ekuiti syarikat-syarikat penggilang gula atau menubuhkan syarikat pengeluaran gula sendiri. Polisi semasa yang dilaksanakan mampu memastikan Kerajaan mempunyai kawalan terhadap bekalan dan harga gula walaupun aktiviti penapisan gula dilakukan oleh pihak swasta. Kekurangan dan ketidaktentuan bekalan gula di pasaran tempatan sebenarnya adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti penyimpanan stok berlebihan oleh pengedar dan penyeludupan keluar gula ke negara jiran.

****

SOALAN NO. 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

TARIKH : 28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan amaun peruntukan kebajikan khas untuk Ahli Parlimen Bakri dari tahun 2000-2009:

(a) senaraikan pecahan kecil termasuk tujuan, tarikh permohonan dan kelulusan, serta pihak menerima manfaat yang terlibat: dan

(b) jelaskan syarat-syarat dan prosedur untuk permohonan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Skim Bantuan Segera Persekutuan bagi Kawasan Parlimen (BSKP) mulai tahun 2004. Untuk makluman Yang Berhormat, amaun peruntukan BSKP bagi Kawasan Parlimen Bakri dari tahun 2004 hingga 2009 adalah sebanyak RM300,000.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Skim BSKP ini adalah bagi membantu kumpulan sasar yang memerlukan bantuan segera bagi kes-kes seperti berikut :

(i) Pesakit kronik (seperti barah, buah pinggang, jantung dan lain-lain penyakit);

(ii) Mangsa bencana/kemalangan;

(iii) Kematian;

(iv) Terdampar;

(v) Membaiki rumah akibat bencana alam; dan

(vi) Golongan keluarga miskin

Golongan yang menerima manfaat dari skim bantuan tersebut bagi kawasan Parlimen Bakri dari tahun 2004 hingga 2009 adalah berjumlah 102 kes iaitu 54 kes penerima bantuan dari pesakit kronik (seperti barah, buah pinggang, jantung dan lain-lain penyakit), 1 kes penerima bantuan bagi kes kematian, 10 kes mangsa bencana, 10 kes terdampar, 2 kes untuk membaiki rumah akibat bencana alam dan 25 kes untuk golongan keluarga miskin.

(b) Syarat-syarat dan prosedur untuk permohonan Skim BSKP adalah seperti berikut :

i) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;

ii) Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,000.00 sebulan;

iii) Golongan yang berkeperluan dan tidak berkemampuan; dan

iv) Keperluan berbentuk segera dan mendesak.

Soalan No : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**

TARIKH : **28.10.2009**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah peruntukan 'direct grant' yang telah dijanjikan oleh Kementerian Pelajaran akan disalurkan kepada Lembaga Pengurus SJK (C) bantuan modal yang layak dan amat memerlukan untuk tujuan pembangunan dan pembaik pulih bangunan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan secara langsung kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bagi semua SJKC yang menerima peruntukan kewangan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan Mini Bajet baru-baru ini. Peruntukan melalui PRE telah disalurkan kepada LPS pada tahun ini manakala untuk Mini Bajet akan disalurkan pada tahun ini dan tahun hadapan.

No: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MATULIDI BIN JUSOH**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**30**

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan insentif yang diberikan kepada warganegara berumur 50 tahun ke atas yang menyambung pelajaran di IPTA/IPTS sama ada di peringkat Ijazah, Sarjana atau Doktor Falsafah seperti pengurangan yuran pengajian selari dengan hasrat Kerajaan mempromosikan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Teras Ke-6 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat bermatlamat untuk menjadikan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) sebagai satu gaya hidup masyarakat Malaysia dan pemangkin kepada pembentukan organisasi pembelajaran di setiap organisasi. IPT menyediakan program PSH melalui program pengembangan, eksekutif, separuh masa dan jarak jauh.

Kementerian sentiasa menggalakkan IPT untuk menyediakan insentif kepada pelajar yang mengikuti PSH termasuk pengurangan yuran pengajian. Pada masa ini telah terdapat beberapa IPTA dan IPTS yang menawarkan pengurangan yuran pengajian kepada pelajar warga emas. Universiti Malaya umpamanya menawarkan pengurangan yuran kepada pelajar pascasiswazah warga emas melibatkan pengurangan yuran pengajaran dan yuran penyelidikan sehingga 50%. Manakala Open University Malaysia (OUM) juga menawarkan pengecualian yuran pengajian sehingga 75%.

Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH (JASIN)**
TARIKH	:	**28.10.2009**

SOALAN:

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah drastik yang bakal diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan guru dari golongan lelaki yang semakin meruncing sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil pelbagai langkah dalam usaha menyeimbangkan jurang bilangan guru lelaki dan guru wanita di sekolah, Antaranya:

i. Menambah kuota pengambilan guru lelaki dalam proses pengambilan pelatih guru, khususnya untuk bekalan guru ke kawasan pedalaman dan memberikan insentif guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman;

ii. Menambah bilangan pengambilan guru pelatih lelaki dalam bidang-bidang yang menarik dan tahan lasak seperti Sains Sukan, Pengajian Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, subjek Vokasional, Kemahiran Hidup, Seni Visual dan Muzik. Latihan perguruan juga memuatkan latihan Bina Insan Guru (BIG) yang menekankan aspek kemahiran hidup, kokurikulum dan membina jati diri; dan

iii. Meningkatkan promosi kursus perguruan di media khususnya surat khabar, laman web dan memberikan informasi tentang latihan perguruan dengan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di khalayak ramai seperti di pusat membeli belah seluruh Malaysia.

NO. SOALAN: 32

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)**

TARIKH : **28 OKTOBER 2009 (RABU)**

SOALAN :

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi yang digunakan dalam usaha mempertingkatkan sistem penyampaian (delivery system) bagi mencapai objektif Kerajaan untuk kualiti perkhidmatan agensi Kerajaan.

JAWAPAN: ***(oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)***
Tuan Yang di-Pertua,

Memperkukuhkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam merupakan agenda utama Kerajaan berterusan untuk memenuhi harapan dan kehendak rakyat. Pelbagai pembaharuan telah dan akan terus diperkenalkan sejajar dengan perubahan arus perdana dan perkembangan teknologi semasa ke arah mewujudkan Pentadbiran Awam yang cekap, cepat, efisyen, berintegriti dan mesra pelanggan.

Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan yang disediakan melalui pemantapan strategi-strategi dari aspek:

i. Pengukuhan Perkhidmatan Pelanggan

- Perkhidmatan barisan hadapan yang responsif, mesra, beretika dan sedia membantu perlu diberi penekanan bagi meningkatkan kualiti interaksi dengan pelanggan. Standard perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan seboleh-bolehnya hendaklah tinggi nilainya sehingga melebihi ekspektasi pelanggan sejajar dengan pendekatan "*delighting the customer*" atau menyenangkan pelanggan.

- Pendekatan "Satu Penyampaian, Satu Perkhidmatan, *No Wrong Door*" diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai salah satu inisiatif untuk menambah baik sistem penyampaian supaya menjadi lebih cekap, mudah,

berkesan dan mesra pelanggan. Ia merupakan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan identiti tunggal "Satu Kerajaan Pelbagai Agensi" kepada pelanggan supaya mereka dapat menikmati perkhidmatan Kerajaan dengan lebih mudah melalui pelbagai saluran penyampaian perkhidmatan di mana-mana dan pada bila-bila masa.

- Program publisiti dan promosi penyampaian perkhidmatan diperhebatkan sebagai satu usaha berterusan untuk menghebahkan usaha-usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan oleh Kerajaan untuk memberi pendedahan dan kemudahan kepada rakyat.

ii. Pemodenan Pentadbiran melalui Penyelidikan dan Pembangunan Pengurusan

- Melaksanakan *Business Process Reengineering* (BPR) untuk mereka bentuk semula proses dan prosedur kerja bagi mengurangkan kerenah birokrasi dengan mempermudah dan memperkemaskan sistem dan prosedur kerja, memantapkan pengurusan borang, proses dan kelulusan serta mengkaji semula undang-undang dan peraturan.

- Menjalankan penyelidikan berkaitan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan dalam aspek pengurusan pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan ICT bagi meningkatkan prestasi daya saing dan memperbaiki kedudukan Malaysia di peringkat global.

- Penubuhan PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan), satu pasukan khas bagi mengatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara perniagaan dan Kerajaan. PEMUDAH telah berjaya menghasilkan perubahan dan penambahbaikan dalam agak banyak prosedur dan garispanduan.

iii. Memperkasakan Penggunaan ICT

Kerajaan sentiasa memberi tumpuan terhadap mewujudkan Kerajaan Berfokuskan Pelanggan (*Customer-Centric Government*), Kerajaan Dihubung Rangkai (*Connected Government*) dan Kerajaan Kompeten (*Competent Government*).

Pemantapan strategi Kerajaan melalui Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik adalah tertumpu kepada 3 kategori iaitu perkhidmatan dan perhubungan antara Kerajaan kepada Kerajaan atau *government to government* (G2G) yang merupakan perhubungan antara agensi-agensi Kerajaan untuk memudahkan prosedur dan pengurusan dalaman; perhubungan dan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat atau *government to citizen* (G2C), yang merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan bagi kemudahan orang ramai dan Kerajaan kepada komuniti perniagaan atau *government to business* (G2B).

Di antara inisiatif-inisiatif ICT Kerajaan adalah:

(a) Kaunter Khidmat Setempat (*One Stop Center*)

- Kaunter Khidmat Setempat Pos Malaysia yang menawarkan 17 jenis perkhidmatan dari pelbagai agensi selain daripada perkhidmatan pos dan kiriman wang.

(b) Perkhidmatan secara dalam talian (*online*)

- Portal *MyGovernment* (www.gov.my) merupakan gerbang utama perkhidmatan pelbagai agensi Kerajaan yang menawarkan lebih daripada 1000 perkhidmatan dalam talian.

(c) Gerbang pembayaran elektronik (*e-payment*) yang membolehkan orang ramai membuat pembayaran secara eletronik menggunakan kad kredit atau kad debit.

(d) Satu nombor kecemasan 999 yang memudahkan orang ramai melaporkan kebakaran, kemalangan, kecurian dan kecemasan dengan menggunakan satu nombor.

iv. Pemantauan dan Pengukuran Prestasi Organisasi

Pemantauan merupakan aspek penting bagi memastikan prestasi penyampaian perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan berada di tahap yang memuaskan dan memenuhi kehendak pelanggan. Oleh yang demikian, bagi memastikan setiap pembaharuan dan usaha-usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan yang diperkenalkan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan, mekanisme pemantauan prestasi organisasi diwujudkan. Mekanisme pemantauan ini dilaksanakan menerusi pelbagai bentuk dan pendekatan, antaranya pewujudan KPI, lawatan inspektorat, lawatan kerja Ketua Setiausaha Negara, dan Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (PANEL 3P).

- **Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

  Kerajaan sentiasa menekankan penggunaan kaedah KPI yang akan menjadi piawai kepada pencapaian anggota pentadbiran dan penjawat awam. Ia akan dijadikan amalan penting dalam pengurusan prestasi untuk menilai dan mengukur sasaran yang ditetapkan oleh sesuatu organisasi seperti kementerian atau agensi kerajaan secara objektif dan berkesan. Dengan adanya KPI ini, maka segala prosedur akan diperkemas, segala sumber dan tenaga dalam organisasi akan digembeleng dan segala usaha akan ditumpu untuk mencapai sasaran yang dipateri dalam satu tempoh masa munasabah yang dijanjikan.

- **Lawatan Inspektorat**

  Program lawatan inspektorat dilaksanakan sebagai salah satu mekanisme pemantauan untuk memastikan agensi-agensi Kerajaan mematuhi dan melaksanakan arahan-arahan Kerajaan berkaitan dengan usaha-usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan. Bagi memastikan lawatan inspektorat ini dilaksanakan dengan berkesan, pasukan inspektorat ditubuhkan yang bertanggungjawab mengadakan lawatan pemantauan ke agensi-agensi Kerajaan sama ada secara berjadual atau secara

mengejut. Aspek-aspek yang menjadi tumpuan utama semasa lawatan inspektorat ini merangkumi sistem dan prosedur kerja, undang-undang dan peraturan, pelaksanaan Piagam Pelanggan, ICT dan peralatan.

- **Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Negara**

  Program Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Negara adalah sebahagian daripada strategi turun padang oleh pihak atasan dalam perkhidmatan awam untuk meninjau dan memantau pelaksanaan usaha-usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran agensi-agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan PBT.

- **Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P)**

  Satu Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P) telah diwujudkan untuk memantau pelaksanaan usaha-usaha penambahbaikan ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Objektif utama Panel 3P ini adalah untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan usaha-usaha ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan menangani halangan serta kekangan kepada penyampaian perkhidmatan yang cepat, cekap dan berkesan kepada rakyat dan sektor swasta.

Soalan No : 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 28.10.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik pelajar tercicir mengikut tingkatan. Apakah usaha-usaha dan KPI untuk membentuk golongan ini berjaya dalam kehidupan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau masalah keciciran di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiraan data keciciran adalah berasaskan kepada *cohort analysis* daripada jumlah kanak-kanak yang mengikuti sistem persekolahan. Sebagai contoh, bilangan murid Tahun 2 yang cicir pada tahun 2008 adalah merujuk kepada bilangan murid Tahun 1 pada tahun 2007 yang tidak meneruskan persekolahan ke Tahun 2 pada tahun 2008.

Berdasarkan pengiraan data yang diperolehi dari enrolmen di bawah sistem persekolahan KPM, MARA, Maktab Tentera di Raja, Sekolah Rendah dan Menengah Swasta, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Antarabangsa, Sekolah Rendah dan Menengah Agama Swasta, serta Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri, didapati bahawa jumlah bilangan murid cicir dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 pada tahun 2008 adalah seramai 30,953 orang. Antara punca keciciran tersebut adalah kerana murid mengikut

ibubapa berpindah ke luar negara, mengikuti pendidikan *home schooling*, meninggal dunia, memilih untuk menceburi bidang pekerjaan dan terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk mewujud dan memperluas program-program bantuan, menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, dan meningkatkan kesedaran ibu bapa.

Selain itu, KPM juga telah memberikan Elaun Murid Khas sebanyak RM150.00 sebulan kepada semua murid pendidikan khas (OKU), kemudahan asrama, Skim Pinjaman Buku Teks, Skin Insuran Takaful Kemalangan Kelompok, Pemansuhan Yuran Peperiksaan, pakaian seragam, penambahan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Program Susu Sekolah, Rancangan Makanan Tambahan dan sebagainya kepada murid-murid untuk menarik minat dan rangsangan ibu bapa mendaftarkan anak-anak mereka ke alam persekolahan. Program vokasional kemahiran turut sediakan kepada murid yang berminat dalam usaha meningkatkan peluang-peluang kemahiran. Program transisi dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dipertingkatkan agar murid-murid pendidikan khas mendapat akses dan ekuiti yang sama di aliran perdana.

Minister Key Perfomance Indicators (MKPI) Kementerian Pelajaran Malaysia telah mensasarkan bahawa semua murid yang bukan berkeperluan khas dapat menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah menjelang 2012. Sasaran MPKI tersebut akan dilaksanakan pada 2010 yang melibatkan murid Tahun 1 di sekolah rendah. KPM mewujudkan KIA2M bertujuan menangani masalah murid yang tidak dapat menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Strategi dirangka bagi menyokong

keberkesanan program ini iaitu melalui sistem penyampaian berkualiti, sokongan intevensi dan penglibatan komuniti.

Usaha penambahbaikan dan pengubahsuaian terhadap program KIA2M ini akan dijalankan pada 2010 iaiau melalui program literasi dan numerasi (LINUS) yang diwujudkan bagi tujuan memantapkan program KIA2M tersebut. Program LINUS ini menekankan kepada penguasaan literasi iaitu kebolehan untuk membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran serta komunikasi.

Numerasi pula ialah kebolehan untuk melakukan operasi asas Matematik serta memahami idea Matematik yangmudah serta mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran Matematik dalam kehidupan harian. Matlamat program LINUS ini adalah untuk memastikan semua murid normal yang berada pada tahap 1 bermula Tahun1 hingga Tahun 3 akan dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi menjelang 2012. Sehubungan itu, kerajaan telah memberikan perhatian yang serius terhadap masalah ini dan telah memperuntukkan sejumlah RM 78.3 juta untuk menjalankan program ini.

SOALAN NO : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

(a) Sama ada Kerajaan bersedia untuk membuka semula pembekuan lesen PKK Kelas "F" supaya belia yang memiliki kemahiran vokasional dapat memulakan perniagaan; dan

(b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu belia lulusan institusi kemahiran di negara ini untuk mendapatkan pekerjaan atau pun peluang perniagaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian masih belum bercadang untuk membuka semula pembekuan lesen kelas F pada masa ini. Ini adalah kerana bilangan kontraktor Kelas F yang sedia ada sehingga kini iaitu sejumlah 31,857 adalah mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan. Namun, Kementerian kini sedang mengkaji dasar pembekuan tersebut agar golongan belia yang berkemahiran tinggi berpeluang untuk terlibat secara langsung di dalam industri pembinaan dan menjadi usahawan kecil.

b) Kementerian melalui agensinya iaitu *Construction Industry Development Board* (CIDB) telah menjalankan pelbagai usaha untuk membantu belia lulusan institusi kemahiran di negara ini untuk mendapatkan pekerjaan atau pun peluang perniagaan seperti:

i) Program latihan graduan serta *on-job training* di mana para pelatih ditempatkan di tapak bina bagi membolehkan mereka mempertingkatkan kemahiran dan mengamalkan apa yang telah dipelajari.

ii) CIDB juga telah mewujudkan *database* para pelatih yang dimuatkan dalam laman web CIDB untuk membolehkan para kontraktor menyemak senarai pelatih berdasarkan bidang dan negeri bagi menawarkan peluang pekerjaan kepada pelatih-pelatih tersebut.

iii) Pihak CIDB juga telah menggunakan khidmat syarikat bersekutu iaitu Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) sebagai agen mempromosikan pelatih-pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) ke pasaran tenaga manusia sektor binaan.

Menerusi usaha-usaha tersebut, adalah dijangkakan bahawa pasaran tenaga manusia yang mahir dan berkualiti dalam sektor pembinaan dapat disediakan dan menjamin peluang pekerjaan kepada para belia lepasan institusi kemahiran di negara ini.

NO. AUM : 14

NO. AUP : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
RUJUKAN	:	**2068**

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan membenarkan sesetengah pemimpin Parti Komunis Malaya balik ke Malaysia sementara yang lain tidak dibenarkan balik ke Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Beruas juga bertarikh 28 Oktober 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Beruas yang telah mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah perjanjian untuk menghentikan peperangan di antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditandatangani pada 2 Disember 1989, bekas-bekas anggota komunis telah diberikan tawaran 'one-off' (sekali tawaran pada masa itu sahaja) untuk pulang ke Malaysia.

Isu Kerajaan membenarkan sesetengah pihak dan tidak membenarkan pihak yang lain untuk pulang ke Malaysia tidak timbul kerana bekas anggota-anggota komunis itu sendiri telah diberikan kebebasan memilih sama ada untuk pulang atau terus tinggal di Selatan Thailand. Kerajaan tidak memaksa atau menyekat mana-mana anggota komunis yang layak untuk pulang ke negara ini. Anggota-anggota komunis yang telah insaf dan memohon untuk pulang ke Malaysia serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan, diterima pulang.

Di bawah perjanjian yang ditandatangani pada 2 Disember 1989 itu, mana-mana ahli PKM yang ingin kembali ke Malaysia perlu mematuhi beberapa syarat seperti:

a. Memaklumkan hasrat untuk kembali ke Malaysia kepada pihak berkuasa di dalam tempoh tidak lebih setahun dari tarikh perjanjian ditandatangani iaitu 2 Disember 1989;

b. Mengemukakan butir-butir berkaitan dengan pemohon;

c. Menjalani proses temu duga serta dokumentasi.

Sepanjang tempoh tawaran tersebut, seramai 431 orang anggota komunis telah memohon untuk pulang ke negara ini. Dari jumlah itu, sebanyak 338 permohonan telah diluluskan setelah kesemua mereka menjalani proses seperti mana yang dikehendaki serta mematuhi syarat-syarat yang dikenakan di dalam perjanjian.

Tuan Yang Dipertua,

Anggota-anggota komunis yang tidak pulang ke Malaysia adalah kerana beberapa sebab. Pertama, bekas anggota-anggota komunis itu sendiri yang menolak tawaran untuk pulang ke Malaysia dan memilih untuk terus tinggal di Selatan Thailand. Kedua, beberapa permohonan untuk pulang ke Malaysia telah ditolak atas pelbagai sebab seperti gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian dan masalah dari segi

status kewarganegaraan. Ketiga, permohonan untuk pulang telah ditarik balik atas kehendak pemohon sendiri. Keempat, tawaran *one-off* untuk pulang hanya diterima setelah tempoh satu tahun yang ditetapkan itu tamat.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan *Administrative Arrangement Between the Government of Malaysia and the Communist Party of Malaya Persuant to the Agreement to Terminate Hostilities* yang ditandatangani pada 2 Disember 1989, telah dipersetujui bahawa mana-mana ahli PKM yang ingin kembali ke Malaysia perlu mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa Malaysia dalam tempoh tidak kurang setahun daripada tarikh perjanjian ditandatangani untuk urusan dokumentasi dan menjalani proses temuduga.

Dalam kes Chin Peng, beliau telah mengemukakan permohonan untuk kembali ke Malaysia sehari sebelum tempoh yang ditetapkankan berakhir dan dengan itu, tidak menepati jangka masa yang telah ditetapkan dan dipersetujui. Beliau juga telah gagal menghadirkan diri untuk proses temu duga yang telah ditetapkan pada 31 Oktober 1992 oleh pihak berkuasa Malaysia. Sejak dari itu, Chin Peng tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan baru sebaliknya menggunakan saluran Mahkamah untuk menentukan status kewarganegaraannya. Tindakan ini menunjukkan bahawa beliau enggan mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditandatanganinya dan juga tidak mematuhi undang-undang negara seperti mana yang dikehendaki dalam perjanjian tersebut.

Dengan demikian, bukan Kerajaan yang menghalang atau tidak membenarkan beliau pulang ke Malaysia, namun, tindak tanduk beliau sendiri yang tidak mematuhi atau tidak mengendahkan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian yang telah menghalang peluang beliau untuk pulang ke Malaysia. Beliau gagal menunjukkan minat yang serius untuk pulang menjadi rakyat negara ini dan menghormati undang-undang negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan dan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak menganggap CHIN PENG sebagai wira negara yang patut dibela. Malah disebaliknya. Beliau adalah Setiausaha Parti Komunis Malaya (ketika itu), yang secara terang-terangan telah menjalankan kegiatan subversif dan ganas bersenjata dalam usaha PKM memerangi dan menggulingkan Kerajaan Malaya. Kesan dari keganasan ini, ribuan anggota keselamatan telah tercedera manakala ribuan juga nyawa orang awam dan anggota keselamatan telah terkorban termasuk beberapa pegawai tinggi PDRM seperti Tan Sri Abdul Rahman Hashim, bekas Ketua Polis Negara ke-3 yang ditembak mati di Kuala Lumpur pada 7 Jun 1974 dan Tan Sri Khoo Chong Kong, bekas Ketua Polis Perak yang dibunuh di Ipoh, Perak pada 13 November 1975.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA: YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009

SOALAN : 36

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan situasi mahasiswa jurusan perubatan tajaan JPA yang tidak kembali untuk berkhidmat di tanah air, termasuk bilangan, kaum, gender dan jumlah wang yang dibelanjakan serta rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah ini.

NO. SOALAN:36

JAWAPAN : **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 2003 hingga 2008, terdapat **158 pelajar** bidang perubatan tajaan JPA di luar negara tidak kembali untuk berkhidmat di Malaysia. Sehingga kini kesemua pelajar berkenaan telah dikenakan tuntutan gantirugi kerana melanggar syarat-syarat perjanjian biasiswa.

Bilangan pelajar perubatan tajaan JPA yang tidak kembali untuk berkhidmat di tanah air mengikut jantina, taraf Bumiputera dan jumlah wang yang dibelanjakan adalah seperti berikut:

NO. SOALAN:36

TAHUN	BILANGAN	JANTINA		KAUM		JUMLAH WANG YANG DIBELANJAKAN
		LELAKI	PEREMPUAN	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	(RM)
2003	45	21	24	42	3	27,157,841.17
2004	34	16	18	33	1	20,653,162.98
2005	12	11	1	12	-	9,185,560.28
2006	7	4	3	5	2	6,816,324.62
2007	22	8	14	10	12	20,223,938.12
2008	38	12	26	17	21	34,084,567.07
JUMLAH	**158**	**72**	**86**	**119**	**39**	**118,121,394.24**

*Statistik sehingga 15 Oktober 2009

- Bagi penajaan sebelum tahun 2004, jumlah gantirugi yang dikenakan adalah sebanyak RM 160,000.

- Bagi penajaan bermula tahun 2004, jumlah gantirugi yang dikenakan adalah merupakan jumlah sebenar yang telah dibelanjakan.

NO. SOALAN:36

Bagi penajaan mulai tahun 2004, mana-mana pelajar yang melanggar syarat perjanjian akan dikenakan tuntutan gantirugi sebanyak perbelanjaan sebenar yang perlu dibayar secara sekaligus.

Di samping itu, bagi menangani masalah ini pada masa hadapan, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan penahanan pasport sebagai langkah untuk mengurangkan jumlah pelajar yang enggan pulang setelah tamat pengajian di luar negara.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009

SOALAN : 37

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) garis panduan penggunaan pesawat-pesawat udara oleh Menteri-menteri untuk kegunaan peribadi ataupun parti politik; dan

(b) mengapa tiada tindakan yang diambil ke atas penyelewengan kuasa oleh Timbalan Perdana Menteri pada bulan Ogos yang mengalami pendaratan kecemasan di Sabah sambil menggunakan helikopter Nuri RMAF untuk menghadiri program-program UMNO.

JAWAPAN: **(DATO SERI MOHD NAZRI AZIZ)**

Tuan Yang di-Pertua,

Garis panduan penggunaan pesawat udara adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1987 Peraturan Peraturan Penggunaan Jet Eksekutif Kerajaan dan Pesawat-Pesawat TUDM yang memperuntukkan pesawat-pesawat jet eksekutif Kerajaan adalah untuk kegunaan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

Antara kriteria asas pertimbangan kelulusan permohonan adalah bagi perjalanan yang tiada perkhidmatan udara MAS dan juga meliputi kawasan-kawasan terpencil yang memerlukan pesawat helikopter untuk sampai ke destinasi tersebut dengan kadar yang cepat.

Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) masih lagi menjalankan siasatan berhubung dakwaan penggunaan helikopter Nuri RMAF oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi menghadiri program-program UMNO di Sabah pada bulan Ogos yang lepas.

Sekian. Terima kasih.

NJ: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]**
TARIKH	:	**28 Okt 2009 (Rabu)**
SOALAN	:	

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan bilangan dan penarafan dunia pelabuhan di Malaysia. Apakah peruntukan dan kemajuan bagi mengurus dan membangunkan pelabuhan-pelabuhan sejak tahun 2000.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2008, sebanyak 4 buah pelabuhan Malaysia berada dalam kelompok seratus (100) teratas pelabuhan kontena di dunia. Pelabuhan Kelang berada di tempat ke lima belas (15), Pelabuhan Tanjung Pelepas ke lapan belas (18), Pelabuhan Johor ke lapan puluh (80) dan Pelabuhan Pulau Pinang ke lapan puluh satu (81). Kerajaan tidak memberi sebarang peruntukan mengurus kepada Lembaga Pelabuhan memandangkan Lembaga Pelabuhan merupakan badan berkanun yang bersifat *self finance* (dengan izin).

Untuk pembangunan pelabuhan pula, peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan adalah untuk kerja-kerja pengerukan kapital. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi tahun 2002 sebanyak RM 1.06 bilion telah dibelanjakan, tahun 2007 sebanyak RM 310 juta dan bagi tahun 2009 sebanyak RM 99.9 juta.

SOALAN NO. (39)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)
TARIKH	:	28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kelemahan dan masalah yang wujud kini berkaitan sistem pengurusan rumah pangsa kos rendah swasta. Apakah cadangan Kementerian untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pengurusan bangunan berstrata ini sebenarnya telah lama wujud sebelum wujudnya Akta 663 ini pada tahun 2007 lagi. Ianya dapat dikelaskan kepada dua (2) jenis projek Bangunan Berstrata iaitu:-

1. Projek yang disiapkan sebelum 12 April 2007; dan

2. Projek yang disiapkan selepas 12 April 2007.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedar mengenai masalah pengurusan yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah pangsa kos rendah ini. Bagi mengatasi masalah tersebut, KPKT sedang melakukan beberapa usaha seperti berikut:-

1. Menambahbaik Akta yang sedia ada Akta 663 (Bangunan dan Harta Bersama) dan Akta 318 (Hakmilik Strata) dengan menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Akta 663 yang terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, Jabatan

Kerajaan dan Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Menubuhkan Jawatankuasa Bersama antara Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Jabatan Perumahan Negara bagi menyelaraskan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan bangunan yang mempunyai hakmilik strata.

3. Satu Garis Panduan Komprehensif akan diedarkan dalam masa terdekat ini berkaitan Akta 663 sebagai panduan kepada petugas-petugas Pesuruhjaya Bangunan mengambil tindakan dalam melaksanakan proviso dalam Akta 663 tersebut.

4. Mengambilkira untuk memasukkan proviso yang khusus ke dalam Akta 663 berkaitan pengurusan pangsapuri kos rendah.

5. Sedang menimbangkan untuk melaksanakan satu program khusus bertujuan meningkatkan tahap pengurusan bangunan strata kos rendah ini.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2009

NO. AUM : 22

NO. AUP : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH	:	**28 OKTOBER 2009**
RUJUKAN	:	**2071**

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak membenarkan Chin Peng balik ke Malaysia sungguh pun Perjanjian Damai yang bertarikh 2 Disember 1989 mensyaratkan bahawa beliau boleh balik ke Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Beruas juga bertarikh 28 Oktober 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Beruas yang telah mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah perjanjian untuk menghentikan peperangan di antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditandatangani pada 2 Disember 1989, bekas-bekas anggota komunis telah diberikan tawaran 'one-off' (sekali tawaran pada masa itu sahaja) untuk pulang ke Malaysia.

Isu Kerajaan membenarkan sesetengah pihak dan tidak membenarkan pihak yang lain untuk pulang ke Malaysia tidak timbul kerana bekas anggota-anggota komunis itu sendiri telah diberikan kebebasan memilih sama ada untuk pulang atau terus tinggal di Selatan Thailand. Kerajaan tidak memaksa atau menyekat mana-mana anggota komunis yang layak untuk pulang ke negara ini. Anggota-anggota komunis yang telah insaf dan memohon untuk pulang ke Malaysia serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan, diterima pulang.

Di bawah perjanjian yang ditandatangani pada 2 Disember 1989 itu, mana-mana ahli PKM yang ingin kembali ke Malaysia perlu mematuhi beberapa syarat seperti:

a. Memaklumkan hasrat untuk kembali ke Malaysia kepada pihak berkuasa di dalam tempoh tidak lebih setahun dari tarikh perjanjian ditandatangani iaitu 2 Disember 1989;

b. Mengemukakan butir-butir berkaitan dengan pemohon;

c. Menjalani proses temu duga serta dokumentasi.

Sepanjang tempoh tawaran tersebut, seramai 431 orang anggota komunis telah memohon untuk pulang ke negara ini. Dari jumlah itu, sebanyak 338 permohonan telah diluluskan setelah kesemua mereka menjalani proses seperti mana yang dikehendaki serta mematuhi syarat-syarat yang dikenakan di dalam perjanjian.

Tuan Yang Dipertua,

Anggota-anggota komunis yang tidak pulang ke Malaysia adalah kerana beberapa sebab. Pertama, bekas anggota-anggota komunis itu sendiri yang menolak tawaran untuk pulang ke Malaysia dan memilih untuk terus tinggal di Selatan Thailand. Kedua, beberapa permohonan untuk pulang ke Malaysia telah ditolak atas pelbagai sebab seperti gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian dan masalah dari segi

status kewarganegaraan. Ketiga, permohonan untuk pulang telah ditarik balik atas kehendak pemohon sendiri. Keempat, tawaran *one-off* untuk pulang hanya diterima setelah tempoh satu tahun yang ditetapkan itu tamat.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan *Administrative Arrangement Between the Government of Malaysia and the Communist Party of Malaya Persuant to the Agreement to Terminate Hostilities* yang ditandatangani pada 2 Disember 1989, telah dipersetujui bahawa mana-mana ahli PKM yang ingin kembali ke Malaysia perlu mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa Malaysia dalam tempoh tidak kurang setahun daripada tarikh perjanjian ditandatangani untuk urusan dokumentasi dan menjalani proses temuduga.

Dalam kes Chin Peng, beliau telah mengemukakan permohonan untuk kembali ke Malaysia sehari sebelum tempoh yang ditetapkankan berakhir dan dengan itu, tidak menepati jangka masa yang telah ditetapkan dan dipersetujui. Beliau juga telah gagal menghadirkan diri untuk proses temu duga yang telah ditetapkan pada 31 Oktober 1992 oleh pihak berkuasa Malaysia. Sejak dari itu, Chin Peng tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan baru sebaliknya menggunakan saluran Mahkamah untuk menentukan status kewarganegaraannya. Tindakan ini menunjukkan bahawa beliau enggan mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditandatanganinya dan juga tidak mematuhi undang-undang negara seperti mana yang dikehendaki dalam perjanjian tersebut.

Dengan demikian, bukan Kerajaan yang menghalang atau tidak membenarkan beliau pulang ke Malaysia, namun, tindak tanduk beliau sendiri yang tidak mematuhi atau tidak mengendahkan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian yang telah menghalang peluang beliau untuk pulang ke Malaysia. Beliau gagal menunjukkan minat yang serius untuk pulang menjadi rakyat negara ini dan menghormati undang-undang negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan dan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak menganggap CHIN PENG sebagai wira negara yang patut dibela. Malah disebaliknya. Beliau adalah Setiausaha Parti Komunis Malaya (ketika itu), yang secara terang-terangan telah menjalankan kegiatan subversif dan ganas bersenjata dalam usaha PKM memerangi dan menggulingkan Kerajaan Malaya. Kesan dari keganasan ini, ribuan anggota keselamatan telah tercedera manakala ribuan juga nyawa orang awam dan anggota keselamatan telah terkorban termasuk beberapa pegawai tinggi PDRM seperti Tan Sri Abdul Rahman Hashim, bekas Ketua Polis Negara ke-3 yang ditembak mati di Kuala Lumpur pada 7 Jun 1974 dan Tan Sri Khoo Chong Kong, bekas Ketua Polis Perak yang dibunuh di Ipoh, Perak pada 13 November 1975.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 28 OKTOBER 2009 (RABU)

SOALAN :

TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status kerja-kerja pembaikan dan penyelarasan atas Laluan Pintas Muar sehingga September 2009 :

a) Status bon pelaksanaan yang dimiliki oleh RANHILL; dan

b) Status pemberian Perakuan Siap Membaiki Kecacatan kepada RANHILL oleh pihak Menteri Kerja Raya, kos pembaikan kerosakan dan tarikh pelaksanaan bagi pembahagi jalan *brifen wire rope*.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Bon perlaksanaan projek Jalan Pintas Muar (Muar Bypass) yang dimiliki oleh Ranhill Sdn. Bhd., iaitu kontraktor utama projek tersebut telah tamat pada 27 September 2009. Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya telah pun mengarahkan kontraktor Ranhill untuk menyambung tempoh '*performance bond*' selama 1 tahun sehingga 28 September 2010. '*Performance bond*' ini telahpun dilanjutkan tempohnya sehingga 27 September 2010.

(b) Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (Certificate of Making Good Defects – CMGD) kepada RANHILL Sdn. Bhd. belum dikeluarkan kerana jalan ini masih melalui proses pembaikan. Sehingga kini, kerja–kerja pembaikan di tapak telah pun siap dilaksanakan dan JKR sedang memantau keberkesanan kerja-kerja pembaikan tersebut. Kos keseluruhan pembaikan kerosakan adalah bernilai RM55.2 juta. Manakala kerja-kerja pembaikan *brifen wire rope* akan bermula pada awal tahun 2010 dengan kos pembaikan bernilai RM5.9 juta dan dijangka siap dalam tempoh 3 bulan.